

BAB KELIMA

CARA-CARA MENGENALI KATA PINJAMAN

B 5: CARA-CARA MENGENALI KATA PINJAMAN.

Pada pengamatan penulis perkara ini amat perlu dititikratkan, kerana ianya boleh membezakan dengan jelas manakah perkataan yang dipinjam dan manakah pula yang tidak.

Untuk menentukan perkara ini, para ulama dan tokoh-tokoh linguistik bahasa Arab telah meletakkan beberapa cara dan juga tanda-tanda bagi menunjukkan sesuatu perkataan itu perkataan pinjaman.

Di antaranya adalah seperti berikut:-

-1: MELALUI KAJIAN SEJARAH.

Cara ini adalah merupakan cara yang paling berkesan dan amat jelas, ianya amat mustahak sekali kerana apabila sesuatu perkataan itu jika mengikut kajian sejarahnya telah dibuktikan oleh para ulama atau ahli linguistik bahasa Arab bahawa ianya telah dipindah atau dipinjam dari bahasa lain maka tidak ragu-ragu lagi ianya kata pinjaman. (1)

Umpamanya jika terdapat dalam bahasa Arab perkataan yang menyerupai perkataan pinjaman, pada ketika itu kajian sejarahlah yang dapat membuktikan sama ada perkataan itu perkataan pinjaman atau sebaliknya.

Contohnya:-

Perkataan pinjaman الْقِلَادَة (*al-qilādaṭ*) ianya boleh dikiaskan dengan kata dasar perkataan Arab قَلَدَ (*qalada*).

Perkataan pinjaman الْوَزِير (*al-wazīr*), ianya boleh dikiaskan dengan kata dasar bahasa Arab وَزَرَ (*wazara*).

Kedua-dua perkataan di atas pada zahirnya boleh dikiaskan dengan kata dasar bahasa Arab, ini menyebabkan berlakunya keraguan sama ada ianya kata pinjaman atau tidak. Walaupun begitu dengan semata-mata ada persamaan dari segi kata dasar tadi tidak boleh menafikan ianya bukan kata pinjaman.

Setelah dikaji selidik, dari segi sejarahnya ternyata kedua-dua perkataan di atas dibawa masuk daripada bahasa asing ke dalam bahasa Arab, maka jelaslah kedua-duanya adalah perkataan pinjaman.⁽²⁾

Walau bagaimanapun cara ini kadang-kadang agak rumit untuk dilakukan kerana peminjaman ini berlaku sejak zaman silam lagi dan berterusan sehingga kini.⁽³⁾

Lebih merumitkan lagi kepada para pengkaji jika peminjaman itu berlaku melalui perantaraan bahasa lain.

Contohnya:-

Perkataan سَلَام (*salām*), pada peringkat

permulaannya ia dipinjam oleh bahasa Melayu daripada bahasa Arab, mereka menuturkan dengan ujaran "salam". Kemudian dipinjam pula oleh bahasa Inggeris, mereka menuturkan dengan ujaran "so long". (4)

Dalam keadaan begini, para pengkaji bahasa terpaksa menghabiskan masa yang banyak dan kajian yang terperinci bagi memastikan apakah bahasa asalnya dan siapa pula menjadi bahasa peminjam.

Walau bagaimanapun kajian sejarah ini adalah merupakan salah satu dari cara-cara untuk mengenali kata pinjaman.

5-2: BERPANDUKAN KEPADA WAZAN ŞARFI BAHASA ARAB.

Cara ini merupakan satu faktor yang mustahak bagi mengenali kata pinjaman. Apabila sesuatu perkataan yang terdapat di dalam bahasa Arab itu didapati tidak sejajar atau tidak boleh dikiaskan dengan mana-mana wazan şarfi bahasa Arab, maka jelas ianya tergolong dalam kategori perkataan pinjaman.

Contohnya:-

خُرَاسَان (Khurāsān).

قَابِيل (Qābīl)

سَرَاوِيل (sarāwīl)

Oleh kerana tidak ada di dalam bahasa Arab wazan-wazan seperti :-

فُعَالَان (fu^ʿālān)

فَاعِيل (fā^ʿīl)

فَعَاوِيل (fa^ʿāwīl)

dengan sendirinya menunjukkan semua perkataan-perkataan di atas adalah kata pinjaman. (5)

5-3: DENGAN MENGGUNAKAN CARA ISYTIQĀQ (DERIVASI).

Isytiqāq juga boleh digunakan sebagai satu cara untuk mengenali kata pinjaman.

Apabila tidak boleh mengeluarkan perkataan terbitan dengan menggunakan cara Isytiqāq pada sesuatu perkataan, maka keadaan itu menunjukkan perkataan tersebut perkataan pinjaman. Kerana mengikut kaedah, setiap perkataan Arab sudah pasti boleh dilakukan pecahan dengan cara menggunakan Isytiqāq padanya.

Contohnya :-

Perkataan التَّنُور (al-tannūr), kalau dipecahkan

perkataan ini dengan menggunakan cara isytiqāq,

kata terbitannya ialah تَنَر (tannara),

sedangkan tidak terdapat di dalam bahasa Arab perkataan seumpama ini, ini disebabkan kerana

ianya tidak diamalkan atau kerana tidak ada di dalam bahasa Arab katanama yang tersusun dengan susunan huruf (ن) sebelum huruf ' ر ' . (6)

Bagi perkataan *أَسْرَادِق* (*al-surādiq*) kata terbitan baginya pada andaian ialah *سَرْتَقَ* (*Sardaga*), sedangkan tidak ada di dalam bahasa Arab perkataan seumpama ini, kerana tidak ada katanama mufrad di dalam bahasa Arab yang tersusun dengan kedudukan huruf ketiganya huruf (ل) dan disusuli selepasnya dengan dua huruf lain. (7)

Oleh sebab itu kedua-dua perkataan di atas dikira perkataan pinjaman.

5-4: MELALUI KAJIAN KEMASYARAKATAN .

Jika berlaku pertembungan di antara perkataan Arab dengan perkataan asing sehingga tidak dapat dibeza atau ditentukan manakah bahasa asal bagi perkataan tersebut, kita boleh menggunakan kajian kemasyarakatan untuk mengenalinya dan memastikan bahasa asalnya.

Umpamanya, jika perkataan yang diragui asal-usulnya itu (*dilihat dari sudut pemakaian atau pengertian maknanya*) menunjukkan kepada sesuatu perkara yang khusus bagi sesebuah masyarakat Arab, maka perkataan itu boleh

dikategorikan sebagai perkataan Arab.

Sebaliknya jika dari segi pemakaian maknanya ia menunjukkan kepada sesuatu perkara yang khusus bagi sesebuah masyarakat asing, perkataan tersebut boleh dikategorikan sebagai perkataan asing. Sebabnya pemakaian makna bagi sesuatu perkataan kepada sesebuah masyarakat itu boleh dijadikan bukti atau panduan bagi menentukan sesuatu perkataan itu kata pinjaman atau tidak. (8)

Contohnya:-

الْقَهْوَة (al-qahwat̄).
 الْجَمَل (al-jamal).
 الْغَزَال (al-ghazāl).
 الزَّرَافَة (al-zarāfat̄).

Semua perkataan di atas adalah perkataan Arab, kerana ianya merupakan nama-nama bagi hasil mahsul dan binatang-binatang yang terdapat khusus di kalangan masyarakat Arab. Maka sudah tentu ianya lebih terkenal dan lebih khusus di kalangan orang-orang Arab kalau dibandingkan dengan masyarakat lain.

Adapun perkataan-perkataan seperti:-

الْمِسْك (al-misk).
 الْفُلْفُل (al-fulful).
 النَّارِجِيل (al-narjīl).

dikira sebagai perkataan pinjaman kerana ianya tidak menunjuk kepada makna-makna perkara yang makruf di kalangan masyarakat Arab, bahkan ianya menunjukkan kepada nama-nama barangan asing yang dibawa masuk ke negara-negara Arab. (9)

5-5: MELALUI KEDUDUKAN SUSUNAN HURUF PADA SESUATU PERKATAAN.

Kedudukan susunan huruf pada sesuatu perkataan itu boleh dijadikan sebagai bukti bagi mengenali atau membezakan sama ada sesuatu perkataan itu perkataan pinjaman atau tidak. Ini kerana bahasa Arab mempunyai keistimewaannya yang tersendiri, khususnya pada susunan huruf-huruf bagi sesuatu perkataannya. Dengan erti jika susunan huruf sesuatu perkataan tidak sesuai dengan gaya susunan dan bunyi bahasa Arab, maka ia menunjukkan perkataan tersebut bukannya perkataan Arab.

Ulasannya seperti berikut:-

(i) Setiap kata nama yang dimulai dengan huruf (ن) kemudian disusuli dengan huruf (ر) , maka ianya bukan perkataan Arab, kerana tidak terdapat di dalam bahasa Arab susunan perkataan seperti yang demikian.

Contohnya perkataan:-

الترجيس (al-narjis).

النَّجْجَة (al-narjat).

Dengan melihat kepada kedudukan susunan huruf dalam kedua-dua perkataan di atas terbukti ianya adalah perkataan pinjaman.

Sebagai menguatkan kenyataan ini, al-Jawālīqiy telah berkata ; (Perkataan النَّجْجَة (al-narjis) adalah perkataan asing (pinjaman) , kerana tidak terdapat di dalam bahasa Arab perkataan yang boleh dikiaskan dengannya dan jika terdapat di dalam syā'ir-syā'ir Arab silam sekalipun atau dikiaskan dengan wazan ṣarfī (نَعْلِيل), ianya hendaklah ditolak , tidak diterima sebagai perkataan Arab, bahkan ianya perkataan pinjaman, kerana tidak terdapat di dalam bahasa Arab katanama yang dimulai dengan huruf (ن) kemudian disusuli oleh huruf (ر) . (10) .

(ii) Tidak terdapat di dalam bahasa Arab perkataan yang didahului dengan huruf (ز) dan sebelumnya huruf (د) . Jika terdapat perkataan yang sedemikian, maka menunjukkan ianya kata pinjaman. (11)

Contohnya ialah:-

Perkataan الْمُهَنْدِيز (al-muhandiz) dan

الْهِنْدَاز (al-hindāz).

Oleh sebab itu kita dapati orang-orang Arab telah menukarkan huruf (ز) yang terdapat di akhir perkataan

المُهَنْدِيز (al-muhandiz) dengan huruf (س), mereka menuturnya dengan المُهَنْدِس (al-muhandis). (12)

(iii) Apabila berhimpun pada sesuatu perkataan huruf (ص) dan huruf (ج) maka ianya menunjukkan perkataan itu adalah perkataan pinjaman, kerana tidak terdapat di dalam bahasa Arab perkataan yang tersusun dengan kedudukan susunan seumpama itu. (13)

Contohnya ialah:-

السَّوْلَجَان (al-saulajān).

الجَسْم (al-jass).

السَّنَجَة (al-sanjat).

Tetapi pendapat ini tidak dipersetujui oleh setengah ahli linguistik Arab, antaranya al-Azhariy, kerana perkataan-perkataan yang tersusun dengan keadaan tersebut kadang-kadang digunakan oleh setengah masyarakat Arab, sepertimana perkataan جَسَمَ الْجِرْو (jassasa al-jirw) dipakai kepada makna apabila anak anjing yang baru dilahirkan membuka kedua matanya.

Begitu juga mereka menggunakan perkataan (السَّج) (al-Şajj) kepada makna campuran besi sesama besi. (14)

Walau bagaimanapun secara umumnya cara ini adalah dikira sebagai salah satu cara untuk mengenali kata pinjaman.

(iv) Apabila berhimpun huruf (ج) dan huruf (ق) di dalam sesuatu perkataan, maka perkataan tersebut adalah perkataan pinjaman. (15)

Contohnya ialah :-

الْمَنْجَنِيْق (al-manjanīq).

الْجَرْدَاقَة (al-jardaqaṭ).

الْجُرْمُوْق (al-jurmūq) .

الْجَوْسَق (al-jausaq).

Semua perkataan di atas adalah perkataan pinjaman.

Mengikut al-Fārabiy, tidak terdapat di dalam perkataan Arab perkataan yang berhimpun padanya huruf (ج) dan huruf (ق).

Bagi menguatkan perkara ini Ibn Duraid telah berkata: (Orang-orang Arab tidak akan menghimpunkan dalam bahasa mereka huruf (ج) dan huruf (ق) pada satu perkataan). (16)

Oleh sebab itu apabila terdapat perkataan yang demikian ianya adalah perkataan pinjaman.

Mengikut pendapat al-Fārabiy juga, apabila berhimpun pada satu perkataan huruf (ج) dan (ت) maka perkataan itu ialah perkataan pinjaman.

Contohnya :-

الْجَيْب (al-jibt). Ianya perkataan yang dipinjam daripada bahasa Habsyi. (17)

Tetapi kedudukan perkataan-perkataan yang tersusun seumpama ini tidak boleh dikategorikan sebagai perkataan pinjaman jika terdapat padanya salah satu daripada huruf-huruf al-dhalāqaṭ, kerana dengan adanya salah satu huruf al-dhalāqaṭ ianya dikira perkataan Arab. (18)

Al-Fārabiyy juga berpendapat, tidak akan tersusun dalam sesuatu perkataan Arab kedua-dua huruf (ج) dan huruf (ط). Oleh sebab itu perkataan الطَّاجِن (al-ṭājīn) dikira bukan perkataan Arab. (19)

v) Di antara tanda-tanda yang menunjukkan sesuatu perkataan itu perkataan pinjaman ialah apabila sesuatu perkataan itu tersusun dengan empat atau lima huruf serta tidak terdapat padanya mana-mana daripada huruf al-dhalāqaṭ. Sebaliknya jika terdapat padanya satu daripada huruf-huruf tersebut maka ianya perkataan Arab.

Al-Khafājiyy berkata: *(Perkataan yang paling baik ujarannya di dalam bahasa Arab ialah apabila ianya tersusun dengan huruf-huruf yang jauh dari segi makhrājnya, manakala huruf-huruf yang paling mudah dan ringan ditutur ialah huruf-huruf al-dhalāqaṭ, oleh itu jika perkataan Arab di dapati ianya tersusun dari empat atau lima huruf, sudah pasti ia tidak sunyi daripada huruf-huruf al-dhalāqaṭ, jikalau tidak terdapat padanya salah satu huruf-huruf tersebut maka ianya menandakan*

perkataan tersebut adalah perkataan pinjaman. Oleh itu perkataan عَجَش (‘aqjasy) bukannya perkataan Arab bahkan ianya satu daripada perkataan pinjaman). (20)

vi) Jika terdapat sesuatu perkataan yang tersusun padanya huruf (ش) yang terletak selepas huruf (ل) ianya juga menunjukkan sebagai tanda perkataan itu perkataan pinjaman.

Contohnya:-

لِشَان (lisyān)

Mengikut pendapat Ibn Sīdat tidak ada di dalam perkataan Arab huruf (ش) terletak selepas huruf (ل)

Oleh sebab itu apabila perkataan yang sedemikian dipinjam, huruf tersebut akan ditukarkan kepada huruf yang sesuai dengan ujaran di dalam bahasa Arab, seperti mana orang-orang Arab menukarkan huruf (ش) menjadi (س) .

Misalnya perkataan لِشَان (lisyān) menjadi لِسَان (lisān). (21)

5-6: MELALUI CARA PERBANDINGAN DENGAN SESUATU BAHASA LAIN.

Cara ini dilakukan ketika mana berlakunya keraguan atau ketidakpastian pada menentukan sesuatu perkataan itu sama ada ianya kata pinjaman atau tidak.

NOTA KAKI.

- (1) Lihat al-Sayūṭiy, al-Muzhir, 1/270.
- (2) Lihat Muḥammad al-Mubārak, Fiqh al-Lughat Wa Khaṣāiṣ al-ʿArabiyyat, h.300.
- (3) Lihat al-Anṭākiy, al-Waiḥ Fī Fiqh al-Lughat, h.453.
- (4) Lihat Muḥammad al-Mubārak, Fiqh al-Lughat Wa Khaṣāiṣ al-ʿArabiyyat, h.300.
- (5) Lihat al-Sayūṭiy, al-Muzhir, 1/270.
- (6) Lihat al-Jawālīqiy, al-Muʿarrab, h.84, Abū ʿAbdullah Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣāriy al-Qurṭubiy, al-Jāmiʿ al-Ahkām al-Qurʾān, Dār al-Kātib al-ʿArabiy, Cairo, Cetakan Ketiga, 1967, 9/34.
- (7) Lihat al-Jawālīqiy, al-Muʿarrab, h.200.
- (8) Lihat al-Anṭākiy, al-Waiḥ Fī Fiqh al-Lughat, h.454, Syaʿbān ʿAbd al-ʿAzīm, Dr., Qutūf Min Fiqh al-ʿArabiyyat, h.65.
- (9) Lihat Syaʿbān ʿAbd al-ʿAzīm, Dr., Qutūf Min Fiqh al-ʿArabiyyat, h.65.
- (10) Al-Jawālīqiy, al-Muʿarrab, h.332.
- (11) Lihat ibid, h.11, al-Sayūṭiy, al-Muzhir, 1/271.

- 2) Lihat al-Sayūṭiy, al-Muzhir, 1/272.
- 13) Lihat ibid 1/271.
- 14) Lihat ibid.
- 15) Lihat ibid.
- 16) Lihat Ibid.
- (17) Lihat al-Sayūṭiy, al-Muhadhdhab, h.52.
- (18) Huruf-huruf al-dhalāqat ialah , ل , ن , ب , م , ف , ه , ح , ini senang disebut melalui hujung lidah dan dua bibir.
- (19) Al-Sayūṭiy, al-Muzhir, 1/271.
- (20) Lihat al-Khafājiy, Syifāṭ al-Ghalīl, h.29.
- (21) Lihat al-Sayūṭiy, al-Muzhir, 1/275.
- (22) Lihat Syābān Abd al-ʿAzīm, Dr. , Qutūf Min Fiqh al-ʿArabiyvat, h.65.
